

Bil. S 51

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH LEMBAGA PENYELIAAN KEWANGAN SYARIAH (PINDAAN), 2022

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran
 2. Pindaan bab 2 dari S 16/2008
 3. Pindaan bab 3
 4. Pindaan bab 4
 5. Pemasukan bab 5A baru
 6. Penggantian bab 6
 7. Penggantian bab 7
 8. Penggantian bab 9
 9. Pindaan bab 10
 10. Pindaan bab 11
 11. Pindaan bab 14
 12. Pindaan bab 17
 13. Pindaan bab 23
 14. Pindaan bab 24
 15. Penggantian Jadual
 16. Pindaan berbangkit kepada S 17/2013
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH LEMBAGA PENYELIAAN KEWANGAN SYARIAH (PINDAAN), 2022

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah (Pindaan), 2022.

Pindaan bab 2 dari S 16/2008

2. Bab 2 dari Perintah Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah, 2006, dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dipinda —

(a) dengan memotong takrifan "Pihak Berkuasa" dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —

" "Pihak Berkuasa" bermakna Bank Sentral Brunei Darussalam yang ditubuhkan oleh bab 3(1) dari Perintah Bank Sentral Brunei Darussalam, 2010 (S 17/2013);

(b) dalam takrifan "perniagaan bank Islam", dengan memotong "Akta Bank Islam (Penggal 168)" dan menggantikannya dengan "*Islamic Banking Order, 2008 (S 96/2008)*";

(c) dengan memotong takrifan "Menteri" dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —

" "Menteri" bermakna Menteri yang diberi tanggungjawab bagi hal-hal kewangan;".

Pindaan bab 3

3. Bab 3 dari Perintah utama adalah dipinda dengan memotong "diawasi dan dikawalselia" dari baris terakhir dan menggantikannya dengan "dilaksanakan, diawasi dan dikawalselia".

Pindaan bab 4

4. Bab 4 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam cerai (2), dengan memotong "Tiap-tiap institusi kewangan" dari baris pertama dan menggantikannya dengan "Pihak Berkuasa".

Pemasukan bab 5A baru

5. Perintah utama adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 5 bab baru yang berikut —

"Kuasa untuk mengeluarkan garis panduan dll.

5A. (1) Pihak Berkuasa boleh mengeluarkan, mengikut cara sebagaimana yang dianggapnya patut, garis panduan, surat keliling atau nota sebagaimana yang dianggapnya mustahak yang berkaitan dengan —

(a) mana-mana peruntukan Perintah ini; atau

(b) perjalanan mana-mana institusi kewangan.

(2) Mana-mana institusi kewangan yang gagal mematuhi mana-mana peruntukan suatu garis panduan, surat keliling atau nota yang dikeluarkan di bawah bab ini yang dikenakan kepadanya tidak boleh dengan sendirinya menyebabkan institusi kewangan itu boleh dikenakan prosiding jenayah tetapi mana-mana kegagalan tersebut boleh, dalam mana-mana prosiding sama ada sivil atau jenayah, disandarkan oleh mana-mana pihak kepada prosiding itu sebagai bermaksud memastikan atau menafikan apa-apa liabiliti yang dipersoalkan dalam prosiding itu.

(3) Apa-apa garis panduan, surat keliling atau nota yang dikeluarkan di bawah bab ini —

(a) boleh untuk kegunaan am atau khusus; dan

(b) boleh menentukan bahawa peruntukan-peruntutannya yang berlainan dikenakan kepada hal-hal keadaan yang berlainan atau memperuntukkan bagi kes-kes atau kelas-kelas kes yang berlainan.

(4) Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa garis panduan, surat keliling atau nota yang dikeluarkan di bawah bab ini adalah dianggap tidak menjadi undang-undang tambahan."

Penggantian bab 6

6. Bab 6 dari Perintah utama adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

"Keahlian Lembaga

6. (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut —

(a) seorang pengerusi;

(b) seorang timbalan pengerusi;

(c) tidak kurang daripada 6 orang lain —

(i) sekurang-kurangnya 4 orang daripada mereka —

(A) sebagai warganegara Negara Brunei Darussalam, adalah pengikut-pengikut Ahlis Sunnah Waljamaah mengikut Mazhab Shafi'ee dan yang merupakan cendekiawan agama yang pakar dalam pengetahuan Islam atau berpengalaman dalam *Fiqh al-Mu'amalat*; atau

(B) bukan warganegara Negara Brunei Darussalam, adalah pengikut-pengikut Ahlis Sunnah Waljamaah mengikut Mazhab Shafi'ee, Hanafi, Maliki atau Hanbali dan cendekiawan agama yang berpengalaman dalam *Fiqh al-Mu'amalat*; dan

(ii) sekurang-kurangnya 2 orang daripada mereka berpengalaman dalam bidang perbankan, ekonomi, kewangan, undang-undang Syariah atau apa-apa disiplin lain yang berkaitan.

(2) Ahli-ahli Lembaga hendaklah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atas sokongan Pihak Berkuasa setelah berunding dengan Majlis.

(3) Tiada sesiapa pun boleh dilantik sebagai ahli melainkan dia menganut Ugama Islam."

Penggantian bab 7

7. Bab 7 dari Perintah utama adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

"Tempoh memegang jawatan

7. (1) Mana-mana ahli yang dilantik di bawah bab 6 hendaklah memegang jawatan bagi tempoh tidak melebihi 3 tahun dan adalah layak untuk dilantik semula.

(2) Jika mana-mana ahli yang dilantik di bawah bab 6 meninggal dunia, meletak jawatan atau sebaliknya mengosongkan jawatannya sebelum tamat tempoh apabila dia telah dilantik, seseorang lain boleh dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, atas sokongan Pihak Berkuasa setelah berunding dengan Majlis, selama tempoh yang belum tamat bagi jawatan ahli yang di tempatnya orang itu dilantik."

Penggantian bab 9

8. Bab 9 dari Perintah utama adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

"Pemberitahuan lantikan

9. Notis-notis lantikan di bawah bab 6 hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan*."

Pindaan bab 10

9. Bab 10 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam cerai (1), dengan memotong ", dan sekiranya dia pada masa itu tidak hadir, Pihak Berkuasa hendaklah memilih mana-mana ahli lain untuk menjadi pengerusi bagi mesyuarat itu" dari tiga baris terakhir.

Pindaan bab 11

10. Bab 11 dari Perintah utama adalah dipinda —

(a) dengan memansuhkan cerai (2) dan menggantikannya dengan cerai baru yang berikut —

"(2) Dalam tiap-tiap mesyuarat Lembaga itu, dua pertiga daripada bilangan ahli termasuk pengerusi atau timbalan pengerusi hendaklah membentuk korum."

(b) dengan memansuhkan cerai (3) dan menggantikannya dengan cerai baru yang berikut —

“(3) Suatu keputusan dalam mesyuarat Lembaga hendaklah diterima dengan kelebihan undi ahli-ahli yang hadir dan mengundi.”.

Pindaan bab 14

11. Bab 14 dari Perintah utama adalah dipinda —

(a) dalam tajuk bab, dengan memasukkan “atau perkhidmatan” sejurus selepas “produk”;

(b) dalam cerai (1) —

(i) dengan memotong “Lembaga bagi mendapatkan kebenaran” dan menggantikannya dengan “Pihak Berkuasa bagi mendapatkan kebenaran oleh Lembaga”;

(ii) dengan memasukkan “atau perkhidmatan” sejurus selepas “produk”;

(c) dalam cerai (2), dengan memasukkan “atau Pihak Berkuasa” sejurus selepas “Lembaga”.

Pindaan bab 17

12. Bab 17 dari Perintah utama adalah dipinda dengan memotong “yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa menurut cerai (1) bab 5” dari baris ketujuh dan kelapan dan menggantikannya dengan “, garis panduan, surat keliling atau nota yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa menurut bab 5 atau 5A”.

Pindaan bab 23

13. Bab 23 dari Perintah utama adalah dipinda dengan memotong “Menteri” dan menggantikannya dengan “Pihak Berkuasa”.

Pindaan bab 24

14. Bab 24 dari Perintah utama adalah dipinda —

(a) dalam cerai (1), dengan memotong “Menteri” dari baris pertama dan menggantikannya dengan “Pihak Berkuasa”;

(b) dalam cerai (2), dengan memotong “Menteri” dan menggantikannya dengan “Pihak Berkuasa”.

Penggantian Jadual

15. Jadual kepada Perintah utama adalah dimansuhkan dan digantikan dengan Jadual baru yang berikut —

**"JADUAL
(bab 2)**

INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN

- (a) Mana-mana bank yang dilesenkan di bawah *Banking Order, 2006* [S 45/2006].
- (b) Mana-mana syarikat kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Syarikat-Syarikat Kewangan (Pengg. 89).
- (c) Mana-mana bank Islam yang dilesenkan di bawah *Islamic Banking Order, 2008* [S 96/2008].
- (d) Mana-mana pemegang lesen di bawah Akta Perniagaan Menukar Wang dan Kiriman Wang (Pengg. 174).
- (e) Mana-mana pemegang lesen di bawah Akta Pemberi Pinjaman Wang (Pengg. 62).
- (f) Mana-mana pemegang lesen di bawah Perintah Pemegang Pajak Gadaai, 2002 [S 60/2002].
- (g) Mana-mana penanggung insurans yang berdaftar di bawah *Insurance Order, 2006* [S 48/2006].
- (h) Mana-mana orang yang dikawalselia dalam makna *Securities Market Order, 2013* [S 59/2013].
- (i) Mana-mana pengendali takaful yang didaftarkan di bawah Perintah Takaful, 2008 [S 9/2009].
- (j) Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei yang ditubuhkan oleh bab 3(1) dari Akta Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Pengg. 163).".

Pindaan berbangkit kepada S 17/2013

16. Jadual Pertama kepada Perintah Bank Sentral Brunei Darussalam, 2010 adalah dipinda dengan memasukkan butiran baru yang berikut sejurus sebelum "Perintah Takaful, 2008 [S 100/2008]" —

"Perintah Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah, 2006 [S 16/2008];".

Diperbuat pada hari ini 13 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1444 bersamaan dengan 7 haribulan Disember, 2022 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**